

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **punca-punca masalah sosial dalam kalangan remaja**. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan. **KBAT**

Media massa sering kali melaporkan pelbagai masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja. Masalah yang dipaparkan termasuklah vandalisme, pergaduhan, ponteng sekolah, dan lumba motosikal haram. Sebab utama remaja bertindak demikian kerana keinginan mereka untuk diterima oleh rakan-rakan dalam kumpulan.

Fenomena isteri yang keluar bekerja demi membantu suami menjanakan ekonomi keluarga dianggap sebagai suatu keperluan pada masa kini. Oleh itu, masa yang diperuntukkan untuk anak-anak terhad. Kekangan waktu ini menyebabkan ibu bapa kurang memberikan perhatian dan kasih sayang terhadap anak-anak. Sebagai akibatnya, anak-anak akan terdorong untuk melakukan sesuatu yang menyalahi peraturan.

Selain itu, lazimnya remaja menimbulkan masalah kerana kurangnya didikan agama sebagai perisai jiwa mereka. Gaya hidup masa kini yang terlalu banyak hiburan yang meleakakan juga menyebabkan nilai agama makin menipis dalam jiwa anak-anak remaja. Oleh sebab itu, anak-anak kurang bijak menilai antara yang baik dengan yang buruk. Kurangnya penerapan nilai keagamaan dalam keluarga juga menyebabkan anak-anak tidak berasa bersalah apabila melakukan sesuatu kesalahan.

Zaman remaja banyak cabarannya. Remaja yang terlibat dalam masalah sosial juga dikenal pasti berpunca daripada sikap mereka yang cuba mencari identiti sendiri. Antara tanggungjawab dan keseronokan, anak-anak remaja ini tercari-cari identiti yang sesuai. Andai kurang perhatian dan kekuatan diri, tidak mustahil mereka akan mencuba pelbagai perbuatan yang kurang baik. Tambahan pula, pengaruh Internet yang berleluasa memungkinkan remaja terpengaruh oleh budaya yang memudaratkan mereka.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Masalah Sosial: Apakah Kesudahannya?",
Berita Harian)

JUMLAH PERKATAAN :